

LAWATAN PEGAWAI PERHUBUNGAN SEKOLAH SEMPENA PROGRAM KEMPEN CEGAH JENAYAH DI SMK PANTAI, W.P LABUAN



Labuan, 13 Ogos 2025 – Program Cegah Jenayah di Sekolah ini merupakan anjuran Kelab Pencegahan Jenayah, SMK Pantai yang diselaraskan dengan pengisian ceramah pencegahan jenayah yang disampaikan oleh PDRM IPD Labuan bagi memberi kesedaran kepada semua pelajar terhadap ancaman jenayah yang berlaku disekolah.

Ceramah ini telah disampaikan oleh ASP Kentnorten daripada Bahagian Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti dengan kolaborasi Pegawai Perhubungan Sekolah dan warga SMK Pantai sebagai pengisian program hari Kurikulum yang jatuh setiap hari Rabu. Sasaran pelajar

pada kali ini adalah dari 5 Pasukan Beruniform sekolah iaitu Kadet Remaja Sekolah, Pengakap, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Bulan Sabit Merah.

Sumber berita : FB Polis Daerah Labuan







